

## Pekeliling perolehan model tadbir urus baik

Okttober 5, 2022 @ 1:27pm

Kuala Lumpur: Pekeliling perolehan adalah model tadbir urus baik untuk diamalkan bagi memastikan perolehan kerajaan dilaksanakan berdasarkan prinsip akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Mohd Shahar Abdullah berkata, pekeliling yang menjadi panduan kepada kementerian dan agensi itu telah sedia merangkumi elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta diterapkan dalam tatacara serta proses pemberian kontrak kerajaan.

"Bagi mengurus kelestarian alam sekitar dan sumber asli dengan cekap, beberapa penekanan kepada tatacara perolehan kerajaan telah diperkenalkan. Antaranya, pelaksanaan perolehan hijau kerajaan semasa membuat perolehan bekalan dan perkhidmatan serta penggunaan Sistem Binaan Berindustri," katanya pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa (Amanah-Parit Buntar) mengenai pendekatan Kementerian Kewangan dalam memastikan model ESG diterapkan dalam meluluskan mana-mana kontrak kerajaan.

Mohd Shahar menjelaskan di bawah tanggungjawab sosial, tatacara perolehan atau pemberian kontrak kerajaan telah menekankan kepada pematuhan dasar-dasar kerajaan sedia ada, termasuk Dasar Penggunaan Bahan/Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan dan Dasar Keutamaan kepada Syarikat Bumiputera.

Selain itu, katanya Program Penempatan Latihan Kerjaya Graduan Bersama Industri turut diperkenalkan bertujuan membantu graduan menganggur membangunkan keupayaan diri secara mempersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja.

"Usaha-usaha kerajaan ini secara tidak langsung dapat memberi galakan kepada syarikat-syarikat untuk menuaikan tanggungjawab korporat sosial mereka serta mencapai impak alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang mampan," katanya.